

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan sepertimana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 16/9/2011. Namakan individu-individu yang telah di dakwa di bawah Akta Hasutan 1948 sejak pengumuman pada 16/9/2011 tersebut.

**JAWAPAN:      PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 11 Julai 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [ atau *Akta 15* ] dan menggantikannya dengan suatu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional.
2. Objektif Akta Keharmonian Nasional bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional, termasuklah penghinaan terhadap institusi diraja atau raja.
3. Bagi tujuan ini, Kerajaan kini sedang mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional tersebut.
4. Sehubungan dengan itu, tarikh sebenar pemansuhan Akta Hasutan 1948 masih belum dapat diputuskan pada masa ini memandangkan perkara tersebut masih sedang dalam kajian dan memerlukan penelitian daripada pelbagai aspek. Penelitian dan kajian

yang menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5. Sejak pengumuman hasrat untuk memansuhan Akta Hasutan 1948 dibuat, seramai empat orang individu telah didakwa di bawah Akta tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN : 94**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berikutan kejadian kehilangan pesawat MH370 yang tidak dapat dijejaki sehingga kini dan kegagalan fungsi banyak sistem pengesanan dari pelbagai Negara terhadap arah laluan dan penamatnya penerbangan MH370, apakah langkah Kerajaan untuk menaiktaraf sistem pengesanan kecemasan pengangkutan udara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) akan melaksanakan COSPAS-SARSAT (*Cosmicheskaya Sistema Poiska Avariynyh Sudov - Search And Rescue Satellite-Aided Tracking*) yang boleh mengesan pesawat dalam kecemasan melalui satelit. Sistem ini adalah salah satu komponen yang terbaru yang akan dibina di dalam projek Pusat Kawalan Trafik Udara di KLIA.